

KDN serbu premis terbitan

Rampas 13 komik kontroversi di Muzium Kebudayaan Komik Asia

SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN



Muzium Kebudayaan Komik Asia yang terletak ICT Mall Komtar, Georgetown diserbu semalam.

Sebanyak 13 naskhah komik *Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama* dirampas di Muzium Kebudayaan Komik Asia yang terletak di Kompleks Tunku Abdul Rahman (Komtar) di sini semalam.

Komik terbitan muzium berkenaan membabitkan versi bahasa Cina itu dirampas sepasukan pegawai penguat kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) kira-kira 11 pagi.

Menurut sumber, lima penguat kuasa KDN membuat pemeriksaan selama sejam sebelum merampas naskhah komik tersebut.

"Rampasan itu dibuat selepas KDN mewartakan perintah larangan terhadap komik tersebut melibatkan

versi bahasa Inggeris dan Cina. Ia dipercayai cuba mempromosikan ideologi komunisme dan sosialisme selain menyebarkan fakta salah serta mengelirukan.

"Dalam pemeriksaan itu, penguat kuasa KDN hanya menjumpai 13 naskhah komik dalam versi bahasa Cina yang dipamerkan di muzium tersebut," katanya di sini semalam.

Sementara itu, salah seorang wakil muzium yang ditemui berkata, pihaknya dikunjungi pegawai Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang selepas isu komik tersebut tular di media sosial.

Dia yang enggan nama-

nya disiarkan berkata, pegawai penguat kuasa meminta agar pihak muzium tidak menjual komik tersebut sehingga arahan lanjut dikeluarkan.

Komik tersebut yang diterbitkan pada Jun lalu dijual pada harga RM25 dengan dua versi iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Cina manakala versi bahasa Malaysia masih belum dicetak.

Muzium Kebudayaan Komik Asia di tingkat 2 ICT Mall, Komtar itu dirasmikan Menteri Kelembagaan, Lim Guan Eng pada 28 Mei 2016 ketika beliau menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang.

Kurator muzium tersebut ialah bekas ahli DAP, Hew Kuan Yau atau lebih dikenali sebagai Superman.